



PELAN STRATEGIK 2021-2025



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Telefon: 03 2610 8888

03 2618 9000

Faks: 03 2618 8799

Laman sesawang: <http://www.jkr.gov.my>

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian daripada buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki atau disiarkan dalam mana-mana bentuk atau dengan mana-mana alat elektronik, mekanikal, fotokopi, perakaman atau yang sebaliknya, tanpa keizinan dari Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Diterbitkan oleh:

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

Nombor Piawaian Terbitan: JKR 20700-0364-20 (Pelan Strategik JKR 2021-2025)

ISBN: 978-967-2284-16-1

KANDUNGAN

PERUTUSAN YB MENTERI KANAN KERJA RAYA	1
PRAKATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA	3
KATA – KATA ALUAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA	5
Ringkasan Eksekutif	7
BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI	
Fungsi dan Nilai Utama	10
Komitmen JKR	11
Organisasi JKR	12
Hubung Kait Perkhidmatan JKR	13
Melangkah Ke Hadapan Seiring Hala Tuju Negara	14
Hala Tuju JKR dalam Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM)	15
Pencapaian Tahun 2016 – 2020	18
BAB 2: HALATUJU STRATEGIK	
Visi JKR	22
Penyataan Misi	23
Halatuju Strategik 2025	24
Tema Strategik	25
Objektif Strategik dan Inisiatif Berimpak Tinggi	26
Peta Strategi 2021-2025	62
BAB 3: PENGURUSAN STRATEGIK	
Pengurusan Strategik	64
Organisasi Berfokuskan Strategi (SFO)	65
Pelataan Strategi dan Komunikasi Melalui <i>Balanced Scorecard</i>	66
Kitaran Pengurusan Strategik	67
AKRONIM	69
GLOSARI	73
PENGHARGAAN	77

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong





PERUTUSAN YB MENTERI KANAN KERJA RAYA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah berjaya menerbitkan Pelan Strategik JKR 2021 - 2025. Selaku Menteri Kanan Kerja Raya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang idea serta kepakaran dalam menghasilkan Pelan Strategik JKR ini.

Sebagai sebuah Agensi Teknikal terulung di negara ini, JKR adalah penggerak dalam pembangunan infrastruktur negara ke arah merealisasikan misi serta visi negara terutamanya dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif. Ini adalah selari dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju. Justeru, saya amat mengalu-alukan penghasilan Pelan Strategik JKR 2021 - 2025 yang dibangunkan seiring dengan matlamat kerajaan yang telah diterjemahkan dalam WKB 2030.



Sesungguhnya melalui penghasilan Pelan Strategik JKR 2021 - 2025, penetapan beberapa lonjakan, strategi dan Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dilihat sebagai usaha yang murni dan seiring dengan matlamat serta hala tuju negara. Saya yakin melalui penghasilan Pelan Strategik JKR 2021 - 2025, JKR telah menzahirkan komitmen padu dan tidak berbelah bahagi dalam merealisasikan WKB 2030 terutamanya melalui dua (2) Teras Strategik utama WKB 2030 iaitu Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama dan Transformasi Modal Insan. Saya yakin JKR sentiasa komited dan bermotivasi melipatgandakan usaha bagi menambah baik kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui inisiatif-inisiatif dan sasaran-sasaran yang ditetapkan dalam pelan strategik ini.



Akhir kata, sekalung TAHNIAH kepada semua pihak yang terlibat dan semoga setiap warga JKR dapat memberi kerjasama sepenuhnya dalam merealisasikan inspirasi JKR seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik JKR 2021 - 2025 ini. Saya mengharapkan Pelan Strategik JKR 2021 - 2025 ini akan menjadi tunjang bagi JKR dalam melakar kejayaan yang lebih cemerlang dan seterusnya mampu menjadi salah sebuah agensi teknikal utama terbaik bertaraf dunia pada masa akan datang.



DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Kanan Kerja Raya





PRAKATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dan syabas diucapkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana telah berjaya membangunkan Pelan Strategik JKR 2021 - 2025.

JKR merupakan salah satu daripada agensi teknikal di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) yang bertanggungjawab merealisasikan pelaksanaan pembangunan projek-projek infrastruktur di seluruh negara. Peranan JKR begitu besar penglibatannya bermula dari peringkat merancang, mereka bentuk dan seterusnya memastikan projek dapat dibina serta disiapkan dengan jayanya. Skop JKR merangkumi pembinaan projek-projek jalan raya dan bangunan-bangunan kerajaan termasuk menguruskan pengoperasian dan penyelenggara kemudahan infrastruktur tersebut.

Justeru, komitmen, kesepakatan dan kerjasama di antara Kementerian Kerja Raya (KKR) dan JKR ini adalah amat penting ke arah mencapai matlamat penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dalam membangunkan infrastruktur negara mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Saya yakin usaha yang dihasilkan oleh JKR melalui penerbitan Pelan Strategik JKR 2021 - 2025 ini amat penting dalam memantapkan keberhasilan pengurusan aset dan mengoptimumkan kitar hayat aset kerajaan. Harapan saya agar JKR menjadi organisasi berinovatif yang terus memberikan perkhidmatan cemerlang melebihi ekspektasi pelanggan serta memacu kelestarian infrastruktur negara.

Usaha ini juga secara tidak langsung akan menyumbang kepada teras perkhidmatan KKR yang



mengandungi lima (5) teras strategik utama iaitu (i) Pembangunan infrastruktur jalan, lebuh raya dan bangunan, (ii) penyenggaraan infrastruktur jalan, lebuh raya dan bangunan, (iii) Pemantapan industri pembinaan berteraskan pembangunan lestari, (iv) Pemantapan modal insan dan daya saing penggiat industri pembinaan dan (v) Pemantapan Tadbir Urus Organisasi.

Akhir kata, saya berharap melalui kerjasama erat dan komitmen yang tinggi daripada warga JKR di setiap peringkat, sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Strategik JKR 2021 - 2025 akan dapat direalisasikan dengan jayanya.



DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya





KATA – KATA ALUAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Hormat dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNYA, Pelan Strategik Jabatan Kerja Raya (JKR) 2021-2025 dapat dihasilkan dengan jayanya.

Pelan Strategik JKR 2021-2025 merupakan dokumen penting yang memperincikan perancangan strategik JKR merangkumi hala tuju, bidang fokus dan pelan tindakan bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Dokumen Pelan Strategik JKR yang keempat ini lebih komprehensif serta holistik, dan merupakan kesinambungan daripada Kerangka Strategik JKR 2007-2010, Kerangka Strategik 2012-2015 dan Pelan Strategik JKR 2016–2020. Hala tuju strategik JKR 2021-2025 adalah berasaskan lima (5) Tema Strategik iaitu Tema 1: Kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh, Tema 2: Pengalaman Ko-Kreatif Bersama Pelanggan, Tema 3: Pusat Kecemerlangan Teknikal, Tema 4: Memacu Kelestarian dan Tema 5: Organisasi Inovatif.



Pelan Strategik JKR 2021-2025 dibangunkan seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan penguatkuasaan Arahan Perbendaharaan (AP182). Menerusi WKB 2030, JKR dilihat menyumbang terus kepada dua (2) Teras Strategik utama iaitu Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama dan Transformasi Modal Insan. Pemerksaan AP182 menjadi pemangkin kepada JKR selaku agensi teknikal utama negara, di mana, JKR telah diberi mandat dan tanggungjawab untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur Negara.

Pelan Strategik JKR 2021-2025 diolah lebih mantap dan menyeluruh melalui transformasi Kecemerlangan Pengurusan Projek kepada Kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM)



bagi memastikan penyampaian pengurusan aset berada pada tahap yang cemerlang dan selari dengan *Life Cycle Cost* (LCC). Di samping itu, penerapan *Industrial Revolution* (IR) 4.0 turut diadaptasikan ke dalam Tema-Tema Strategik berkaitan sejajar dengan senario kepesatan teknologi global dan transformasi penggunaan digital.

Perancangan pelan strategik yang mantap diterjemahkan kepada pelan tindakan yang meliputi perancangan yang berfokus dan teliti, pelaksanaan yang bersistematik serta pemantauan yang efektif. Saya percaya JKR akan terus menjadi organisasi yang komited dan konsisten dalam penyampaian perkhidmatan berfokuskan strategi dan mampu melaksanakan amanah dengan lebih efektif dan efisien. Justeru, kualiti sistem penyampaian perkhidmatan perlu diperkukuhkan lagi agar dapat memacu kejayaan JKR lebih cemerlang pada masa akan datang.

Pelan Strategik JKR 2021-2025 menjadi penanda aras kepada KPI Pengurusan Tertinggi JKR Malaysia. Pencapaian KPI Pengurusan Tertinggi bukan sahaja menyumbang kepada keberhasilan Pelan Strategik ini, tetapi turut memberi impak kepada kecemerlangan penyampaian perkhidmatan. Pencapaian Pelan Strategik ini merupakan tanggungjawab bersama seluruh warga JKR yang merupakan agen penggerak kepada kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik ini.

Saya berharap segala hala tuju jabatan yang digariskan di dalam Pelan Strategik JKR 2021-2025 akan dapat direalisasikan bagi memastikan JKR bergerak selari dengan visi dan misi Jabatan. JKR perlu kekal relevan sejajar dengan hala tuju negara agar dapat terus berjasa kepada rakyat.



DATO' Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN
Ketua Pengarah Kerja Raya



RINGKASAN EKSEKUTIF

Dokumen Pelan Strategik JKR 2021 – 2025 adalah merupakan perancangan strategik jangka panjang Jabatan merangkumi hala tuju, bidang fokus dan pelan tindakan bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Ia merupakan kesinambungan daripada Kerangka Strategik JKR 2007 – 2010, Kerangka Strategik JKR 2012 – 2015 dan Pelan Strategik JKR 2016 – 2020. Sesungguhnya melalui penghasilan Pelan Strategik JKR ini, penetapan beberapa lonjakan, strategi dan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dilihat sebagai usaha yang murni dan seiring dengan matlamat serta hala tuju negara bagi menambah baik kualiti sistem penyampaian perkhidmatan.

Dokumen ini terbahagi kepada tiga (3) bahagian;

BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI

Menjelaskan tujuan kewujudan JKR, perkhidmatan JKR kepada pihak – pihak berkepentingan serta pencapaian JKR setakat ini. Bab ini bertujuan untuk memberikan gambaran keseluruhan kepada pembaca mengenai JKR sebagai sebuah organisasi.

BAB 2 HALA TUJU STRATEGIK

Menyatakan hala tuju JKR pada masa hadapan serta elemen – elemen strategik yang diperlukan untuk mencapainya. Bab ini adalah intipati kepada Pelan Strategik JKR. Ia perlu menjadi rujukan utama bagi seluruh warga kerja JKR dalam memastikan aktiviti kerja harian berjalan seiring dan sejajar dengan wawasan JKR.

BAB 3 PENGURUSAN STRATEGIK

Menggariskan bagaimana JKR melaksana dan memantau kejayaan pelan ini. Bab ini bertujuan untuk memberikan sinopsis kepada faktor kritikal kejayaan dalam mengendalikan pelan strategik dan pada masa yang sama menjelaskan falsafah pengurusan strategik yang diguna pakai JKR.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



BAB 1

LATAR BELAKANG ORGANISASI

Fungsi dan Nilai Utama
Komitmen JKR
Organisasi JKR
Hubung Kait Perkhidmatan JKR
Melangkah Ke Hadapan Seiring Hala Tuju Negara
Hala Tuju JKR Dalam Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM)
Pencapaian Tahun 2016 - 2020

BAB 1

LATAR BELAKANG ORGANISASI

Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah ditubuhkan sejak 1872 dan berfungsi sebagai sebuah agensi teknikal kepada Kerajaan Malaysia. JKR berperanan melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur kepada pelbagai kementerian, jabatan, agensi, badan berkanun dan kerajaan negeri seperti jalan, bangunan, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti.

FUNGSI DAN NILAI UTAMA

JKR diwujudkan untuk:

- Berfungsi sebagai rakan strategik kepada pelanggan dalam mencapai keberhasilan polisi kerajaan
- Menjadi peneraju di dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan kecemerlangan kejuruteraan untuk negara
- Menyediakan infrastuktur negara

JKR menerapkan nilai utama berikut:

- Jasa kepada rakyat
- Bertanggungjawab terhadap segala produk dan perkhidmatan yang diberikan



KOMITMEN JKR

JKR komited untuk:

- Menjadi sebuah organisasi berorientasikan prestasi yang memberi fokus untuk mencapai hasil yang diinginkan pelanggan
- Menjadi sebuah organisasi yang bertanggungjawab untuk memenuhi tuntutan piagam pelanggan jabatan

JKR juga komited untuk memenuhi harapan pelanggan dengan:

- Memahami dan prihatin terhadap keperluan pelanggan
- Bersikap mesra pelanggan dan bersedia membantu mereka
- Mendengar pandangan pelanggan dengan penuh perhatian
- Responsif kepada perubahan keperluan pelanggan


Bagi warga kerja, JKR akan:

- Mewujudkan persekitaran pembelajaran sepanjang hayat
- Memperuntukkan peluang bagi pembangunan kerjaya
- Membangunkan kerangka kepimpinan bagi mencetus satu visi dan budaya yang dikongsi bersama
- Melibatkan warga kerja di dalam reka bentuk dan pemurnian proses dan praktis bisnes
- Memastikan semua warga JKR sedar akan hasil (*outcomes*) dan perilaku yang diharapkan daripada mereka menerusi ganjaran kepada prestasi cemerlang
- Menyediakan ruang dan peluang untuk maklumbalas prestasi
- Mewujudkan persekitaran kekeluargaan di tempat kerja
- Memberikan keceriaan bekerja




ORGANISASI JKR

Struktur JKR terdiri daripada lima (5) sektor utama: Sektor Infra, Sektor Bangunan, Sektor Pakar, Portfolio Pengurusan dan JKR Negeri, Unit Khas & Pengurusan Projek.



HUBUNG KAIT PERKHIDMATAN JKR

Sebagai sebuah organisasi yang besar, JKR bekerja dan berkhidmat dengan pelbagai entiti berbeza dengan cara yang berbeza. Adalah perlu untuk mengetahui siapakah yang terlibat (termasuklah *Stakeholder*, pelanggan, rakan strategik dan warga kerja) dalam konteks hubungan perkhidmatan JKR.



MELANGKAH KE HADAPAN SEIRING HALA TUJU NEGARA

Inisiatif – inisiatif mengikut tema di dalam Pelan Strategik JKR 2021- 2025 ini adalah bertepatan dengan usaha Kerajaan dalam merealisasikan usaha ke arah mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). JKR dilihat menyumbang secara terus kepada dua (2) Teras Strategik WKB 2030 iaitu, Teras Strategik 2: Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama dan Teras Strategik 3: Transformasi Modal Insan.



TERAS STRATEGIK WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

TERAS STRATEGIK 1

EKOSISTEM PERNIAGAAN & INDUSTRI

Contoh Sasaran:

- PKS dan perniagaan mikro menyumbang 50% kepada KDNK
- Mewujudkan 30% daripada jumlah syarikat PKS dalam bidang teknologi tinggi yang intensif dalam pembuatan dan perkhidmatan subsektor
- Sekurang-kurangnya 20% PKS Bumiputera dalam setiap subsektor berintensifkan teknologi tinggi
- PKS Bumiputera menyumbang sebanyak 20% kepada KDNK

TERAS STRATEGIK 2

AKTIVITI PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA

Contoh Sasaran:

- Pelaburan dalam jentera dan peralatan adalah 2/5 daripada jumlah pelaburan
- Sumbangan subsektor berteknologi tinggi kepada sektor berkaitan meningkat:
 - Pembuatan: 50%
 - Perkhidmatan: 30%
- Malaysia membina sektor baru utama yang kukuh seperti berikut:
 - Hub Kewangan Islam 2.0
 - Tenaga Bojoh Baharu
 - Ekonomi Hijau
 - Komoditi 2.0
 - Pusat Kecemerlangan
 - Hub ASEAN

TERAS STRATEGIK 3

MODAL INSAN

Contoh Sasaran:

- 35% pekerja berkemahiran tinggi dalam guna tenaga
- Majoriti tenaga kerja dalam pekerjaan berkemahiran tinggi dan sektor ekonomi masa hadapan adalah Bumiputera
- 40% latihan HRDF merupakan kemahiran yang berkait dengan 4IR
- Sekurang-kurangnya 60% lepasan SPM melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET
- Penawaran program di universiti dan institut latihan akan diselesaikan dengan kehendak dan keperluan industri
- Meningkatkan pekerja tempatan dan Bumiputera dalam pengurusan dan profesional MNC

TERAS STRATEGIK 4

PASARAN BURUH & PAMPASAN PEKERJA

Contoh Sasaran:

- Pasaran buruh Malaysia bebas daripada diskriminasi ke atas umur, gender, etnik, dan agama
- Purata kenaikan gaji kepada ½ nilai produktiviti meningkat setiap tahun
- Tindakan sabotaj ekonomi dan diskriminasi ditangani
- Meningkatkan pertumbuhan produktiviti buruh selari dengan kualiti teknologi dalam industri mengikut sektor
- Pengurangan jumlah pekerja asing dengan menetapkan ambang mengikut sektor tenaga kerja
- Meningkatkan sumbangan bahagian pampasan pekerja (CE) Bumiputera kepada KDNK

TERAS STRATEGIK 5

KESEJAHTERAAN SOSIAL

Contoh Sasaran:

- Kesamaan nisbah gaji penengah berdasarkan merit
- Mengukur tahap kemiskinan menggunakan kemiskinan relatif
- Membina pusat jagaan harian di setiap lokaliti
- Nilai rumah mampu milik berdasarkan kos pembelan rumah berjumlah 30% daripada penengah pendapatan isi rumah di Malaysia

TERAS STRATEGIK 6

KETERANGKUMAN WILAYAH

Contoh Sasaran:

- Sistem pengangkutan awam bersepadu antara bandar ke desa
- 10 syarikat tersenarai (separuh daripada mereka adalah syarikat Bumiputera) di setiap negeri membangun
- Mengurangkan perbezaan pendapatan antara wilayah 0.5 kali
- Penilaian semula kuantiti dan kualiti tanah rizab Melayu
- Pengenalan wilayah panas ekonomi baharu khususnya di kawasan luar Lembah Kelang
- Memastikan Pelan Pembangunan infrastruktur kritikal negara (hospital, sekolah, jambatan dll) dipenuhi

TERAS STRATEGIK 7

MODAL SOSIAL

Contoh Sasaran:

Mencapai peningkatan positif bagi Indeks berikut:

- Indeks Perpaduan
- Petunjuk Integriti dan Anti Rasuah
- Indeks Keharmonian Agama
- Indeks Perubahan Alam Sekitar dan Iklim
- Indeks Anti Dadah
- Indeks Pencegahan Jenayah
- Indeks Keharmonian Kejiranan
- Indeks Kesihatan Rakyat

KEBERHASILAN BUMIPUTERA TERANGKUM DALAM SEMUA TERAS STRATEGIK

Sumber: Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)



HALA TUJU JKR DALAM PENGURUSAN ASET MENYELURUH (PAM)

Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) adalah pendekatan holistik dan bersepadu yang meliputi pelbagai proses pengurusan fasiliti dalam menangani kos, cabaran data dan kesan kepada alam sekitar.

Dalam Pelan Strategik JKR 2021 – 2025, PAM diketengahkan melalui inisiatif Tema 1. Objektif PAM adalah kecemerlangan dalam penyampaian pengurusan aset menyeluruh selari dengan kehendak kerajaan. Semua projek kendalian JKR akan melaksanakan Amalan Terbaik Pengurusan Aset Menyeluruh.

STRATEGI PENGURUSAN ASET



KEPERLUAN PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAN ASET



AMALAN BAIK PENGURUSAN ASET



FAEDAH PENGURUSAN ASET KEPADA NEGARA



Amalan pengurusan aset yang bertaraf dunia meningkatkan keyakinan *Stakeholder*.



Kelestarian reka bentuk menjamin keseimbangan alam sekitar, mesra alam dan kos ekonomik.



Menjana pertumbuhan ekonomi negara

SUMBANGAN PAM KEPADA PENCAPAIAN 7 MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (*Sustainable Development Goals – SDG*)



Sumber: *Sustainable Development Goals (SDG), The United Nations*



PENCAPAIAN TAHUN 2016 - 2020

JKR telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Sebagai sebuah organisasi, JKR berbangga untuk berkongsi kejayaan dan pencapaian terkini.

PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI/ CENTRE OF EXCELLENCE FOR ENGINEERING AND TECHNOLOGY (CREaTE), Alor Gajah, Melaka.

Siap dibina pada tahun 2016, CREaTE diwujudkan sejajar dengan objektif Tema 3 iaitu Pusat Kecemerlangan Teknikal, bagi mencapai matlamat untuk melahirkan warga kerja yang kompeten dan profesional bagi mencapai Visi dan Misi JKR. Peranan CREaTE adalah meliputi latihan di dalam bidang kejuruteraan dan teknologi serta penyelidikan dan inovasi bagi pembangunan produk yang inovatif untuk digunapakai oleh semua jabatan kerajaan di seluruh negara.

Misi CREaTE adalah:

- Membangunkan modal insan yang kompeten, kreatif dan inovatif dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.
- Melaksanakan program pengujian, pensijilan dan akreditasi.
- Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.
- Membudayakan inovasi dan kreativiti.
- Memacu kelestarian dalam pengurusan pembangunan infrastruktur.



PAKAR RUJUK JABATAN DAN PAKAR BIDANG KHUSUS/ SUBJECT MATTER EXPERT (SME)

Selari dengan Visi JKR untuk menjadi pusat kecemerlangan di dalam pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan, JKR telah melahirkan Pakar Rujuk Jabatan dalam sembilan (9) bidang kepakaran yang telah dikenalpasti melalui Program Pensijilan JKR, iaitu:

- *Forensic Engineering*
- *Building Design Engineering*
- *Infrastructure Design Engineering*
- *Sustainable Infrastructure & Building*
- *Strategic Procurement, Cost Engineering & Dispute Resolution Consultancy*
- *Value Management*
- *Complex Technical Project Management*
- *Multimedia Technical (Building Information Modelling)*
- *Total Asset Management*

Sebanyak 1046 bilangan pensijilan dari tahap 1 sehingga tahap 4 telah dikeluarkan kepada pegawai yang mengikuti program pensijilan JKR.

Sehingga kini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengiktiraf seramai 13 orang SME JKR, yang berada pada pensijilan Tahap 4.



PENGIKTIRAFAN LUAR

JKR telah memenangi beberapa pertandingan dan menerima pelbagai anugerah daripada institusi terkenal, antaranya adalah:

- Pingat Emas, 3rd Korea Creative Invention Contest (CiC) 2016
- Pingat Perak, Pameran Pharma + Bio Asia 2016
- Dua Pingat Emas, *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx) 2017*
- Lima Pingat Emas, tujuh Pingat Perak, *28th International Invention, Innovation & Technology Exhibition 2017 (ITEX)*
- Pingat Emas, *3rd International Invention Innovation Competition, Canada (iCAN) 2018*
- Pingat Emas, *International Research Innovation, Invention Solution Exposition (IRIISE) 2018*
- Dua Pingat Emas, dua Pingat Perak, *29th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2018*
- Sebelas Pingat Emas, satu Pingat Perak, satu Pingat Gangsa, *National Innovation and Invention Competition through Exhibition (iCompEx'19) 2019*
- Satu Pingat Emas, *The International Automation and Control Enhancing Innovation Competition (ACEiC) 2019*
- Dua Pingat Emas, satu Pingat Perak, *30th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2019*
- Dua Anugerah Terbaik, tiga Pingat Emas, *National Innovation & Invention Competition through Exhibition (iCompEx' 2020)*
- Satu Anugerah Khas, satu Pingat Emas, dua Pingat Perak, *Malaysia Technology Expo 2020 (MTE 2020)*

Pencapaian lain juga termasuk:

- Penarafan 5 bintang bagi penilaian Sistem *Star Rating (SSR) 2015- 2016* dan *SSR 2017-2018* oleh MAMPU
- Penarafan Cemerlang, Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) 2017 oleh MAMPU
- Pengiktirafan 5 bintang bagi Pengauditan Indeks Akauntabiliti (AI) bagi tahun 2017 oleh Jabatan Audit Negara Malaysia.
- Pengiktirafan 5 bintang (100%) untuk Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2015 - 2017 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
- Pensijilan *Green Building Index (GBI) Platinum* dan tempat kedua (2) bagi kategori *Green Building Awards (Large Building Category), Asean Energy Award 2016*.



BAB 2

HALA TUJU STRATEGIK

Visi JKR
Pernyataan Misi
Halatuju Strategik 2025
Tema Strategik
Objektif Strategik dan Inisiatif Berimpak Tinggi
Peta Strategi 2021-2025

BAB 2

HALA TUJU STRATEGIK

VISI JKR

Menjadi pemberi perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan di dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan demi pembangunan infrastruktur negara melalui modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini.



PENYATAAN MISI

JKR menyumbang kepada pembangunan negara melalui:



HALA TUJU STRATEGIK 2025


Sebagaimana Visi dan Misi Jabatan, adalah penting untuk JKR menyemak semula dan mengemaskini hala tuju strategik untuk memastikan JKR bergerak ke hadapan seiring hala tuju negara dan kekal relevan.

Hala tuju strategik JKR 2021 – 2025 adalah berasaskan lima (5) Tema Strategik. Secara keseluruhannya, lima tema ini mewakili agenda transformasi JKR dengan menjangkakan hasil - hasil strategik yang bakal diperolehi.



TEMA STRATEGIK

Secara ringkasnya, tema strategik adalah bidang fokus utama yang membentuk Pelan Strategik JKR. Setiap tema mewakili satu bidang sasaran yang meliputi perancangan yang berstrategik.



Dalam setiap tema strategik, terletak strategi – strategi untuk proses perubahan yang signifikan dan berjaya. Strategi–strategi ini dipaparkan dengan lebih tepat dalam bentuk objektif–objektif strategik. Objektif strategik ini merentasi beberapa perspektif bisnes dan dihubungkan secara logik sebab-dan-kesan untuk membentuk Peta Strategi Mini (mengikut kaedah *Balanced Scorecard*).

Peneraju tema dilantik bagi memantau inisiatif yang telah dirancang supaya hasil yang diharapkan dapat disampaikan dengan berkesan kepada semua *Stakeholder*, pelanggan, rakan strategik dan warga kerja. Perincian pelan tindakan dan pelan operasi tema serta strategi berkaitan dengannya digabungkan dalam operasi bisnes akan diperjelaskan di dalam Pelan Bisnes Jabatan secara berasingan.




OBJEKTIF STRATEGIK

Objektif strategik menjelaskan dengan lebih terperinci hasil yang diharapkan bagi setiap tema. Setiap satu objektif strategik mempunyai sasaran tertentu di dalam perspektif bisnes yang digunakan. Secara kolektif, rangkaian objektif – objektif strategik membentuk Peta Strategi Mini bagi setiap tema. Pemilik setiap pengukuran dilantik bagi memikul tanggungjawab setiap pencapaian pengukuran yang ditetapkan.

INISIATIF BERIMPAK TINGGI

Inisiatif adalah usaha-usaha yang diambil melalui program-program berimpak tinggi yang ditetapkan untuk mencapai objektif strategik tema. Beberapa pengukuran dengan sasaran yang realistik dikenalpasti berdasarkan inisiatif – inisiatif yang telah ditetapkan. Inisiatif yang telah dirancang akan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.





TEMA 1

KECEMERLANGAN PENGURUSAN ASET MENYELURUH



TEMA 1: KECEMERLANGAN PENGURUSAN ASET MENYELURUH

Peneraju: Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB)

OBJEKTIF STRATEGIK (Sebab dan Kesan)	DEFINISI DAN HURAIAN RINGKAS STRATEGI
<p>PELANGGAN</p> <div data-bbox="304 504 623 766"> <p>T 1.1 Kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh</p> </div> <p>PROSES DALAMAN</p> <div data-bbox="304 875 623 1192"> <p>T 1.2 Menambah Baik Persekitaran Pengurusan Aset Menyeluruh</p> </div> <p>PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN</p> <div data-bbox="304 1319 623 1613"> <p>T 1.3 Membentuk Kompetensi Pengurusan Aset Menyeluruh</p> </div>	<ul style="list-style-type: none"> • Kecemerlangan dalam penyampaian pengurusan aset menyeluruh selari dengan kehendak pelanggan. • Pelaksanaan dan penyerahan projek mengikut kos, kualiti dan masa yang ditetapkan serta mudah disenggara. • Aktiviti dalam fasa kitaran hayat aset dikendalikan oleh pasukan yang kompeten. • Amalan Terbaik Pengurusan Aset Menyeluruh dilaksanakan dalam semua projek kendalian JKR. • Memanfaatkan teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). • <i>Roadshow</i> bersama semua <i>Stakeholder</i>.



SCORECARD KETUA PENGARAH

OBJEKTIF TEMA 1			
PETA STRATEGI MINI	KOD & OBJEKTIF STRATEGIK	DEFINISI	
<p>PELANGGAN</p> <p>PROSES DALAMAN</p> <p>PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN</p>	<p>T 1.1 Kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh</p>	<p>Kecemerlangan pengurusan aset menyeluruh perlu mempunyai perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos yang efektif • Penyampaian dalam tempoh yang ditetapkan • Memenuhi / melangkaui jangkaan pelanggan • Aset yang memenuhi kefungsi keselamatan dan kebolehsenggaraan 	
	<p>T 1.2 Menambah Baik Persekitaran Pengurusan Aset Menyeluruh</p>	<p>T 1.2 Menambah Baik Persekitaran Pengurusan Aset Menyeluruh</p>	<p>Objektif ini merujuk kepada penerapan amalan pengurusan aset menyeluruh sebagai budaya kerja JKR</p>
	<p>T 1.3 Membentuk Kompetensi Pengurusan Aset Menyeluruh</p>	<p>T 1.3 Membentuk Kompetensi Pengurusan Aset Menyeluruh</p>	<p>Memperkasakan kapasiti pengurusan aset menyeluruh dengan berkesan, cekap dan jayanya melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Persijilan / pengiktirafan • Integrasi teknologi digital • Roadshow dan libat urus






TEMA 1: INISIATIF

	OBJEKTIF STRATEGIK	PENGUKURAN	SASARAN	INISIATIF	PEMILIK
		T1.1			
PELANGGAN	T 1.1 Kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh	T1.1.1 Projek yang diserahkan mengikut Q-Plan asal	35%	PROGRAM KAWALAN DAN PEMANTAUAN BERSEPADU	TKPKR (Semua)
		T1.1.2 Kontrak yang mendapat kelulusan EOT bukan disebabkan kelewatan oleh pihak berkuasa tempatan, utiliti, pengambilan balik tanah, antikuiti, dan <i>force majeure</i>	≤ 25%		TKPKR (Infra & Bangunan)
		T1.1.3 Projek yang Penyata Akaun Muktamad (SOFA) tidak melebihi Kos Siling Projek yang diluluskan	90%		TKPKR (Infra & Bangunan)
T1.1.4 Projek yang menggunakan PAP ditender dalam tempoh 6 bulan	100%	TKPKR (Bangunan)			
T1.1.5 Projek bernilai melebihi RM10 juta ke atas menggunakan IBS dengan skor ≥ 70%	100%	TKPKR (Pakar)			
PROSES DALAMAN	T 1.2 Menambah Baik Persekitaran Pengurusan Aset Menyeluruh				
PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN	T 1.3 Membentuk Kompetensi Pengurusan Aset Menyeluruh				




TEMA 1: INISIATIF

	OBJEKTIF STRATEGIK	PENGUKURAN	SASARAN	INISIATIF	PEMILIK		
PELANGGAN	 <p>T 1.1 Kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh</p>	<p>T1.1.6 Projek yang diserahkan secara 3 dalam 1 merangkumi Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC), Lukisan Terbina dan Penyata Akaun Muktamad (SOFA)</p>	65%	<p>PROGRAM KAWALAN DAN PEMANTAUAN BERSEPADU</p>	TKPKR (Infra & Bangunan)		
					<p>T1.1.7 SST disediakan bersama Dokumen Kontrak</p>	≥20%	TKPKR (Semua)
					<p>T1.1.8 Projek siap bernilai RM10 juta ke atas yang dinilai oleh CIDB melepasi nilai ambang (<i>threshold</i>) QCLASSIC 50%</p>	100%	TKPKR (Infra & Bangunan)
<p>T1.1.9 Melaksanakan 500 bilangan penilaian aset setahun bagi <i>Facility Condition Assessment (FCA) / Building Condition Assessment (BCA)</i> untuk aset milikan KKR dalam tempoh 5 tahun</p>	90%	Pengarah CSFB					
<p>T1.1.10 Melaksanakan Pelaporan Penilaian Prestasi <i>Building Performance Assessment (BPA)</i> untuk 10 blok aset tak alih kerajaan setiap tahun</p>	10 blok / tahun	Pengarah Kanan CPAB					
PROSES DALAMAN	 <p>T 1.2 Menambah Baik Persekitaran Pengurusan Aset Menyeluruh</p>						
PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN	 <p>T 1.3 Membentuk Kompetensi Pengurusan Aset Menyeluruh</p>						



TEMA 1: INISIATIF					
OBJEKTIF STRATEGIK	PENGUKURAN	SASARAN	INISIATIF	PEMILIK	
<p>PELANGGAN</p> <p>PROSES DALAMAN</p> <p>PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN</p>	<p>T 1.1 Kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh</p>	T1.2			
		<p>T1.2.1 Peningkatan Tahap Kematangan Pengurusan Projek</p>	<p>Tahap 3.5 (Peningkatan 0.1 setiap 1 tahun sehingga 2025)</p>	<p>PROGRAM KEMATANGAN TENAGA KERJA</p>	<p>Pengarah Kanan CPAB</p>
	<p>T 1.2 Menambah Baik Persekitaran Pengurusan Aset Menyeluruh</p>	<p>T1.2.2 Peratus projek yang mengemukakan laporan bagi pematuhan kepada ISO 45001</p>	<p>60%</p>	<p>TEMPAT KERJA YANG SELAMAT DAN SIHAT</p>	<p>Pengarah CDPK</p>
		T1.3			
	<p>T 1.3 Membentuk Kompetensi Pengurusan Aset Menyeluruh</p>	<p>T1.3.1 Bilangan pegawai yang mendapat persijilan di bawah Program CBAS/ Pengurusan Aset dan Fasiliti JKR</p>	<p>40 pegawai/ tahun</p>	<p>PROGRAM KOMPETENSI KAKITANGAN JKR</p>	<p>Pengarah Kanan CPAB</p>
		<p>T1.3.2 Bilangan program libat urus</p>	<p>10 program/ tahun</p>	<p>PROGRAM ROADSHOW</p>	<p>Pengarah CDPK</p>





TEMA 2

PENGALAMAN KO – KREATIF BERSAMA PELANGGAN



TEMA 2: PENGALAMAN KO-KREATIF BERSAMA PELANGGAN

Peneraju: Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am 1 (CKBA1)

OBJEKTIF STRATEGIK (Sebab dan Kesan)	DEFINISI DAN HURAIAN RINGKAS STRATEGI
<p>PELANGGAN</p> <div data-bbox="299 537 606 722"> <p>T 2.1 Pelanggan Yang Amat Berpuas Hati</p> </div> <p>PROSES DALAMAN</p> <div data-bbox="299 882 606 1089"> <p>T 2.2 Memperkuh Hubungan dengan Stakeholder</p> </div> <p>PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN</p> <div data-bbox="299 1260 606 1487"> <p>T 2.3 Membentuk Budaya Kerja yang Mengutamakan Pelanggan</p> </div>	<ul style="list-style-type: none"> • JKR berikrar untuk memberikan perkhidmatan cemerlang yang jauh melebihi harapan pelanggan di semua fasa penyampaian projek. • Inisiatif – inisiatif yang berorientasikan pelanggan ini diharap dapat memberi impak kepuasan yang tinggi kepada pelanggan seterusnya memperkukuhkan lagi hubungan sedia yang terjalin dengan harapan pelanggan akan kekal setia menggunakan khidmat JKR.



SCORECARD KETUA PENGARAH

OBJEKTIF TEMA 2		
PETA STRATEGI MINI	KOD & OBJEKTIF STRATEGIK	DEFINISI
<p>PELANGGAN</p> <p>PROSES DALAMAN</p> <p>PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN</p>	<p>T 2.1 Pelanggan Yang Amat Berpuas Hati</p>	<p>T 2.1 Pelanggan Yang Amat Berpuas Hati</p> <p>JKR berikrar untuk melangkaui jangkauan pelanggan dalam penyampaian perkhidmatan dan dalam semua bentuk interaksi.</p>
	<p>T 2.2 Memperkuh Hubungan dengan Stakeholder</p>	<p>T 2.2 Memperkuh Hubungan dengan Stakeholder</p> <p>Usaha yang membawa kepada komunikasi dan kerjasama yang lebih baik untuk memahami dan menguruskan jangkauan Stakeholder dalam kitar hayat projek.</p>
	<p>T 2.3 Membentuk Budaya Kerja yang Mengutamakan Pelanggan</p>	<p>T 2.3 Membentuk Budaya Kerja yang Mengutamakan Pelanggan</p> <p>Pegawai JKR sentiasa meletakkan keutamaan kepada pelanggan dalam setiap proses pelaksanaan</p>



TEMA 2: INISIATIF						
OBJEKTIF STRATEGIK	PENGUKURAN	SASARAN	INISIATIF	PEMILIK		
T2.1						
PELANGGAN	T2.1 Pelanggan Yang Amat Berpuas Hati	Program kesetiaan pelanggan: Program kunjungan hormat yang disasarkan termasuk agensi pusat dan media	2 /tahun	PROGRAM MERAIKAN PELANGGAN	Pengarah CDPK	
	T2.2 Memperkuh Hubungan dengan Stakeholder	T2.1.2 Program kesetiaan pelanggan: Kenyataan media	2 /tahun		Pengarah CDPK	
		T2.1.3 Program kesetiaan pelanggan: Program sosial (Kerjasama berkumpul, Interaksi sosial)	2 /tahun		Pengarah CDPK	
PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN	T2.3 Membentuk Budaya Kerja yang Mengutamakan Pelanggan	T2.1.4 Penyediaan Laporan Awalan bagi kes-kes kecemasan tidak melebihi 3 hari	100%		Pengarah CSFJ, CKC, CKAS	
		T2.1.5 Program Bual Bicara di dalam TV/ radio/ media sosial	1/tahun		PROMOSI JKR	Pengarah CDPK
		T2.1.6 Video informatif yang berkaitan JKR	1/tahun			Pengarah CDPK



TEMA 2: INISIATIF

	OBJEKTIF STRATEGIK	PENGUKURAN	SASARAN	INISIATIF	PEMILIK
PELANGGAN	T 2.1 Pelanggan Yang Amat Berpuas Hati	T2.1			
		T2.1.7 Purata 85% Indeks Kepuasan Pelanggan - Berdasarkan Projek	85%	PROGRAM KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN	Pengarah CDPK
		T2.1.8 Peratus Pencapaian Piagam Pelanggan JKR	80%		Pengarah CDPK
T2.1.9 Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) - Berdasarkan Program	80%	Pengarah CDPK			
PROSES DALAMAN	T 2.2 Memperkukuh Hubungan dengan Stakeholder				
PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN	T 2.3 Membentuk Budaya Kerja yang Mengutamakan Pelanggan				



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong





TEMA 3

PUSAT KECEMERLANGAN TEKNIKAL



TEMA 3: PUSAT KECEMERLANGAN TEKNIKAL




Peneraju: Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur (CKAS)

OBJEKTIF STRATEGIK (Sebab dan Kesan)	DEFINISI DAN HURAIAN RINGKAS STRATEGI
<p>PELANGGAN</p> <p>T 3.1 Pusat Kecemerlangan Teknikal</p> <p>PROSES DALAMAN</p> <p>T 3.2 Solusi Teknikal Cemerlang</p> <p>T 3.3 Penanda Aras Amalan Terbaik</p> <p>PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN</p> <p>T 3.4 Pemeriksaan Kompetensi</p> <p>T 3.5 Pelaksanaan Perkongsian Ilmu Kepakaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> JKR perlu menjadi pusat rujukan teknikal di dalam pelbagai bidang perkhidmatan; Kejuruteraan, Senibina, Perolehan, Pengurusan Projek dan Pengurusan Aset & Fasiliti. Sebagai Pusat Kecemerlangan Teknikal, JKR mestilah menghasilkan solusi teknikal yang inovatif. Modal insan, sistem perkakasan dan teknologi perlu menjadi penanda aras kepada organisasi lain serta selari dengan <i>Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0)</i>. Oleh itu, JKR mestilah memastikan penyampaian setiap ilmu kepakaran, sama ada yang nyata (<i>explicit</i>) ataupun yang tersirat (<i>tacit</i>) daripada pakar-pakar dapat diperkukuhkan melalui pendekatan yang sistematik kepada seluruh warga kerja dalam organisasi. Kunci kepada usaha yang dinyatakan di atas adalah pelaksanaan perkongsian ilmu kepakaran dalam semua bidang pengkhususan.



SCORECARD KETUA PENGARAH

OBJEKTIF TEMA 3

PETA STRATEGI MINI	KOD & OBJEKTIF STRATEGIK	DEFINISI
<p>PELANGGAN</p> 	<p>T 3.1 Pusat Kecemerlangan Teknikal</p>	<p>Pusat kecemerlangan teknikal merupakan organisasi di mana individu, proses dan sistem dirujuk oleh organisasi lain bagi produk yang tersendiri, yakni solusi teknikal di dalam bidang pengkhususan tertentu.</p>
<p>PROSES DALAMAN</p> 	<p>T 3.2 Solusi Teknikal Cemerlang</p>	<p>Matlamat solusi teknikal adalah untuk memberi penyelesaian terkini dan kaedah serta teknik yang sentiasa ditambah baik bagi mengatasi masalah/ cabaran teknikal dalam kejuruteraan, senibina, perolehan, pengurusan projek dan pengurusan aset.</p> <p>Solusi ini haruslah dibangun sendiri secara dalaman agar JKR layak menjadi Pusat Rujukan Teknikal.</p>
<p>PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN</p> 	<p>T 3.3 Penanda Aras Amalan Terbaik</p>	<p>Solusi teknikal yang telah dibangunkan secara dalaman oleh pakar JKR, perlu dipraktikkan kepada pelaksanaan projek agar ianya menjadi penanda aras kepada amalan yang terbaik.</p>



OBJEKTIF TEMA 3		
PETA STRATEGI MINI	KOD & OBJEKTIF STRATEGIK	DEFINISI
<div style="display: flex; flex-direction: column; align-items: center;"> <div style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg); margin-bottom: 10px;">PELANGGAN</div> <div style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg); margin-bottom: 10px;">PROSES DALAMAN</div> <div style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg);">PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN</div> </div> <div style="display: flex; flex-direction: column; align-items: center; margin-top: 10px;"> <div style="border: 2px solid #800000; padding: 10px; margin-bottom: 5px; width: 150px; text-align: center;"> T 3.1 Pusat Kecemerlangan Teknikal </div> <div style="border: 2px solid #800000; padding: 10px; margin-bottom: 5px; width: 150px; text-align: center;"> T 3.2 Solusi Teknikal Cemerlang </div> <div style="border: 2px solid #800000; padding: 10px; margin-bottom: 5px; width: 150px; text-align: center;"> T 3.3 Penanda Aras Amalan Terbaik </div> <div style="border: 2px solid #800000; padding: 10px; margin-bottom: 5px; width: 150px; text-align: center;"> T 3.4 Pemeriksaan Kompetensi </div> <div style="border: 2px solid #800000; padding: 10px; width: 150px; text-align: center;"> T 3.5 Pelaksanaan Perkongsian Ilmu Kepakaran </div> </div>	<p>T 3.4 Pemeriksaan Kompetensi</p>	<p>Pakar adalah individu yang diiktiraf dan mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang tertentu, perlu membentuk sub kumpulan pakar di bawahnya bagi memastikan kesinambungan kepada kepakaran bidang masing-masing.</p>
		<p>T 3.5 Pelaksanaan Perkongsian Ilmu Kepakaran</p>



TEMA 3: INISIATIF

OBJEKTIF STRATEGIK	PENGUKURAN	SASARAN	INISIATIF	PEMILIK	
T3.1					
<p>PELANGGAN</p> <p>PROSES DALAMAN</p> <p>PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN</p>	<p>T 3.1 Pusat Kecemerlangan Teknikal</p>	<p>T3.1.1 Adaptasi inisiatif / kaedah penyelesaian untuk mengatasi cabaran industri pembinaan</p>	<p>PROGRAM KECEMERLANGAN TEKNIKAL</p>	<p>TKPKR Pakar (CKAS, CA)</p>	
	<p>T 3.2 Solusi Teknikal Cemerlang</p>	<p>A. Adaptasi IBS dalam pembinaan</p> <p>Projek IBS bernilai RM10 juta ke atas yang menggunakan komponen buatan kilang dan dipasang di tapak</p>			<p>90%</p>
	<p>T 3.3 Penanda Aras Amalan Terbaik</p>	<p>B. Adaptasi BIM dalam pelaksanaan projek</p> <p>Peratusan projek bernilai RM10 juta ke atas dilaksanakan secara BIM</p>			<p>50% daripada jumlah projek dan peningkatan sebanyak 10% pada setiap tahun berikutnya</p>
	<p>T 3.4 Pemeriksaan Kompetensi</p>	<p>C. Penggunaan / adaptasi Pre Approved Plan (PAP)</p> <p>Peratus projek bangunan yang menggunakan reka bentuk PAP</p>			<p>30% projek bangunan (6% setahun)</p>
	<p>T 3.5 Pelaksanaan Perkongsian Ilmu Kepakaran</p>				



TEMA 3: INISIATIF

OBJEKTIF STRATEGIK	PENGUKURAN	SASARAN	INISIATIF	PEMILIK	
<p>PELANGGAN</p> <p>PROSES DALAMAN</p> <p>PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN</p>	<p>T 3.1 Pusat Kecemerlangan Teknikal</p>	<p>D. Value Engineering (VE)</p> <p>Projek yang melaksanakan Kajian VE (dalam tahun semasa) mencapai skop dan kos projek mengikut peruntukan yang ditetapkan melalui VA/ kelulusan di peringkat Penilaian Strategik</p>	<p>PROGRAM KECEMERLANGAN TEKNIKAL</p>	<p>Pengarah Kanan CPAB</p>	
	<p>T 3.2 Solusi Teknikal Cemerlang</p>				<p>65% Bilangan Projek</p>
	<p>T 3.3 Penanda Aras Amalan Terbaik</p>	<p>T3.1.2 Mewujudkan pakar dalam setiap bidang teknikal yang telah dikenalpasti.</p> <p>Bilangan personel yang mempunyai pensijilan Tahap 4</p>		<p>5 orang / tahun</p>	<p>Pengarah Kanan CREaTE</p>
	<p>T 3.4 Pemeriksaan Kompetensi</p>	<p>T3.1.3 Penglibatan Pakar Rujuk Teknikal (Cth; SME/ Pakar Rujuk jabatan, dsb) dengan agensi luar/ organisasi/ syarikat swasta dalam sektor Infra, Bangunan, Perkhidmatan Teknikal dan Pengurusan Projek</p>		<p>5 kes / program / tahun</p>	<p>TKPKR Pakar, TKPKR Infra, TKPKR Bangunan, Pengarah</p>
	<p>T 3.5 Pelaksanaan Perkongsian Ilmu Kepakaran</p>	<p>A. Bilangan kes/ program melibatkan pakar rujuk teknikal JKR</p>		<p>5 kes / program / tahun</p>	



TEMA 3: INISIATIF

	OBJEKTIF STRATEGIK	PENGUKURAN	SASARAN	INISIATIF	PEMILIK
	T3.1				
